

# Aktiviti penjaja warga asing terus digempur

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus memperhebat operasi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penjaja tanpa lesen dan penjaja warga asing di sekitar ibu kota serta mengenakan tindakan tegas dilaksanakan di Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Harian Selayang dan Jalan Damanlela, Segambut.

Dalam operasi yang dijalankan pada 10 Mac di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pusat Bandar Utara, DBKL mengenakan tiga tindakan sita terhadap penjaja tanpa lesen yang dikendalikan oleh bukan warganegara.

“Tindakan ini diambil mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan dan Penjajaan (WPKL) 2016. Semua barangan yang disita telah dihantar ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan rekod dan dokumentasi,” jelas DBKL.

Sebelumnya pada 8 Mac, DBKL bersama agensi sahabat termasuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Majlis Perbandaran Selayang melaksanakan operasi bersepadu ‘KL Strike Force’ di sekitar Pasar Harian Selayang.

“Dalam operasi ini, enam premis perniagaan yang meletakkan barangan di tempat awam dikenakan tindakan sita sertamerta dengan empat daripadanya dikendalikan oleh bukan warganegara. Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” katanya.

Sementara itu, DBKL melalui



**PENGUAT** kuasa DBKL melakukan operasi bersepadu KL Strike Force di sekitar Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur.

Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Imigresen Kuala Lumpur (JIMKL) turut mengambil tindakan khas di Jalan Damanlela, Segambut.

“Dalam operasi ini, sembilan kompaun dikeluarkan di bawah UUK 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, selain satu kes tindakan sita serta satu lagi kompaun mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“JIMKL turut menahan tiga warga

asing yang tidak memiliki dokumen sah,” katanya.

DBKL menegaskan bahawa pemantauan dan operasi penguatkuasaan akan terus dipergiat di lokasi-lokasi tumpuan bagi memastikan Kuala Lumpur bebas daripada aktiviti penjajaan tanpa lesen.

Orang ramai yang mempunyai aduan boleh menyalurkan maklumat menerusi portal Adu@KL di pautan [adukl.dbkl.gov.my](http://adukl.dbkl.gov.my). 